

MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN & PERSIJILAN KELUARAN SESI 2/2017

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
1.3	<p>Mesyuarat ambil maklum mengenai status proses sebutharga jabatan seperti berikut:</p> <p>a) 25 sebutharga telah dinilai pada mesyuarat sebutharga bertarikh 30 Ogos 2017.</p> <p>b) Jabatan akan mengadakan mesyuarat sebutharga A pada bulan September.</p> <p>c) JK Sebutharga akan mengadakan mesyuarat secara berturut-turut. Sehubungan dengan itu, pihak institut diminta mengeluarkan SST kepada pembekal dan memastikan semua bayaran selesai sebelum bulan November 2017.</p>	Semua P (ILJTM) berkenaan	<p>SST telah selesai dikeluarkan dan semua sebutharga telah selesai dibuat pembayaran untuk 2017.</p> <p>ADTEC Bintulu: Kursus TOT - piping blue print interpretation course telah dibatalkan sebab penyebutharga tidak berdaftar dengan MOF dan kekangan masa untuk menjalankan kursus. Waran telah ditarik balik oleh pihak HQ</p>
1.5	<p>Setiap institut yang menawarkan kursus B01 – Teknologi Elektrik perlu dinaiktaraf kepada kursus B19 bermula sesi 1/2018. Mana-mana institut yang bermasalah untuk menawarkan program ini kerana kekangan pengajar kompeten, diminta menghantar permohonan pengecualian kepada jabatan selewat-lewatnya pada 15 September 2017.</p>	Semua P (ILJTM) berkenaan	<p>ILP Pasir Gudang telah melaksanakan bermula sesi 1/2017</p> <p>ILP Bukit Katil telah melaksanakan bermula sesi 2/2017.</p> <p>ILP Kota Bharu mula pengambilan bagi sesi 1/2018</p> <p>ILP Kuantan telah melaksanakan dari sesi 1/2016</p> <p>ILP AP Nibong Tebal telah dapat kelulusan ST pada 24 Oktober 2017 dan akan bermula pada sesi 2/2018</p> <p>ILP Mersing telah hantar memo berkaitan pengecualian penawaran program B19 telah dihantar ke Ibu pejabat B19 akan bermula pada sesi 2/2018</p>

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
1.5			ILP Labuan telah menghantar 2 orang pengajar Tek. Elektrik menghadiri kursus di ILP Kepala Batas bagi tujuan memenuhi syarat keperluan 3 orang pengajar kompeten. ILP Labuan akan melaksanakan program B19 setelah mencukupi syarat ST iaitu 3 orang pengajar kompeten PW4.
1.6	P (ILP Mersing) diminta untuk selesaikan isu pengajar yang menggantung sijil di syarikat lain sebelum pihak ST menarik balik sijil kompetensi pengajar tersebut.	P (ILP Mersing)	<u>ILP Mersing</u> Dua pengawai ILP Mersing iaitu : 1. En. Hezry Bin Ab. Ghafar 2. En. Ahmad Azham Bin Muhammad telah membatalkan pendaftaran perakuan kekompetenan di syarikat Sharp Target Engineering Sdn. Bhd. pada 9/10/2017. Memo rujukan ILP/MSG/600/8 Jld 7 (51) & ILP/MSG/600/8 Jld 7 (52). Kedua-dua memo ini juga telah dipanjangkan kepada KP & TKP JTM.
1.8	Pengerusi meminta semua institut yang menawarkan kursus Teknologi Elektrik mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang pengajar kompeten bagi setiap kompetensi.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Institut ambil maklum berkenaan perkara ini dan dalam perancangan memastikan semua pengajar elektrik mempunyai Sijil Kompeten dalam bidang kompetensi yang ditawarkan oleh institut. ADTEC Bintulu: Tidak cukup 3 pengajar kompeten bagi kekompetenan G2, L3, L4, H1 ILP Bukit Katil: Tidak cukup 3 pengajar kompeten bagi kekompetenan PW2

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
1.8		Semua P (ILJTM) berkenaan	<p>ADTEC Kemaman: Tidak cukup 3 pengajar kompeten bagi kekompetenan B0 dan A4. Seorang pengajar kompeten A0 dalam perancangan mengambil peperiksaan PJE A4 pada tahun 2018. Seorang pengajar kompeten A4 dalam perancangan mengambil kursus kompeten B0.</p> <p>ILP Mersing: Tidak cukup 3 pengajar kompeten bagi semua bidang kekompetenan</p> <p>ILP AP Nibong Tebal: Tidak cukup 3 pengajar kompeten bagi bidang kekompetenan PW2, AO, dan BO</p> <p>ILP Kuantan: Tidak cukup 3 pengajar kompeten bagi bidang kekompetenan A1</p>
1.9	BKT diminta membuat semakan dengan pihak ST berkenaan status permohonan pentauliahan PW4 di ILP Labuan	Urusetia ST JTM	<p>Permohonan PW4 2 tahun (B19) tidak dapat dimajukan ke pihak ST kerana tidak memenuhi syarat (kekurangan tenaga pengajar kompeten – PW4)</p> <p>Telah dikembalikan kepada pihak ILP Labuan.</p>
3.2	Mesyuarat bersetuju kumpulan pelajar bagi pengambilan tambahan (DC) akan didaftarkan di bawah kursus yang bermula dengan kod 'Z' dalam TMS. Semua kod kursus yang bermula dengan huruf Z telah dimasukkan ke dalam sistem oleh Pusat Data JTM.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah di ambil tindakan

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
3.3	Mesyuarat turut bersetuju pelajar ini layak diberi slip keputusan dan transkrip selepas menamatkan latihan. Sehubungan itu, pihak institut perlu memastikan pelajar pengambilan tambahan ini mendaftar modul JTM yang mempunyai kaitan dengan kandungan NOSS.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Ambil maklum. Telah diambil tindakan. Semua pelajar telah didaftar dalam modul training dalam sistem TMS ILP Kuala Langat: Pelajar Kod Z intake Ogos 2017 (persijilan JPK sahaja) telah diberikan slip keputusan. Masalah terjadi apabila pelajar gagal beberapa modul semasa semester 1(sijil) /4 (dip) dan slip keputusan pelajar mendapat GPA bawah 1.67 dan sepatutnya status pada slip keputusan SPC.04 “Anda Tidak Layak Meneruskan Pengajian” akan tetapi pelajar ini hanya perlu dijana slip keputusan dan tidak perlu disahkan dalam MJPP dan tidak terlibat dengan ISO. Perkara ini akan menyebabkan kekeliruan kepada pelajar sama ada perlu meneruskan pengajian atau tidak.
3.4	Pengajar perlu memasukkan markah penilaian Kerja Kursus dan Peperiksaan Akhir ke dalam sistem bagi menjana SPC.02, SPC.03 dan SPC.04 bagi setiap semester.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah diambil tindakan.
3.6	Mesyuarat ambil maklum pelajar ini tidak diwajibkan mengambil modul tambahan yang tidak mempunyai kaitan dengan NOSS. Sekiranya pihak institut ingin menawarkan modul tambahan kepada kumpulan pelajar ini, tempoh masa latihan hendaklah dijalankan mengikut kesesuaian pengurusan di institut. Walau bagaimanapun, pihak institut perlu mematuhi jumlah jam bagi modul berkaitan NOSS.	Semua P (ILJTM) berkean	Ambil maklum. Telah dilaksanakan bagi semua pelajar tambahan, semua keperluan modul NOSS telah dipenuhi. Kebanyakan ILJTM memutuskan kumpulan pelajar terlibat hanya mengambil modul yang melibatkan NOSS sahaja.

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
3.7	KPP (KT)1 memaklumkan bahawa terdapat perubahan format bagi pelaksanaan peperiksaan akhir bermula sesi 2/2017. Perubahan format ini bagi memenuhi keperluan penilaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia di mana pelajar perlu menduduki Kertas Teori 1 (Objektif) selain dari Kertas Teori 2 (Subjektif). Markah bagi kertas teori 1 ini akan dijadikan sebagai markah peperiksaan akhir mengikut tahap di dalam borang T1003.	P (KT) & Semua P (ILJTM) berkenaan	Ambil maklum. Telah diambil tindakan pada sesi 2/2017.
3.8	Mesyuarat ambil maklum BKT akan mengadakan perbincangan dengan pusat data mengenai tempoh yang sesuai untuk membuka akses TMS bagi memastikan pengisian markah dapat dilaksanakan di luar waktu kerja	P (KT) & PUSAT DATA JTM	
3.9	Mesyuarat ambil maklum peranan CoSE untuk menyelaraskan spesifikasi peralatan/mesin baru. Institut yang tidak mempunyai peralatan baru dicadangkan agar mengambil pendekatan mobilize pelajar ke institut yang mempunyai peralatan baru tersebut.	PENGARAH COSE & Semua P (ILJTM)	<p>ADTEC Jerantut: Spesifikasi peralatan untuk RP 4 melibatkan COSE IPD akan dimajukan ke BPK sebelum 9 Mac 2018</p> <p>ADTEC Kemaman: Telah diambil makluman dan tindakan dalam perancangan aktiviti CoSE tahun 2018.</p> <p>CoSE Intrumentasi akan menyelaraskan pergerakan peralatan instrument di ILP Kangar yang akan diumumkan program tersebut.</p> <p>ADTEC Kulim: Sehingga kini tiada keperluan untuk mobilize pelajar ADTEC Kulim ke institut lain kerana semua peralatan untuk COSE bidang Telekomunikasi adalah mencukupi.</p>

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
3.9		PENGARAH COSE & Semua P (ILJTM)	<p>ILP Labuan mengambil maklum tentang perkara tersebut dan telah diambil tindakan bagi Kursus Tek. Minyak & Gas (Mekanikal Hiliran) di ILP Kota Kinabalu.</p> <p>ILP Pasir Gudang telah ambil maklum dan perancangan pelaksanaan berkaitan perkara ini telah dibuat .</p>
5.2	Pengerusi meminta pihak institut agar mengambil tindakan penambahbaikan bagi isu-isu yang kerap dibangkitkan oleh naziran.	Semua P (ILJTM) berkenaan	<p>Ambil maklum dan telah diambil tindakan.</p> <p>ADTEC Kulim mengambil perhatian dan telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu-isu yang kerap berbangkit seperti penyediaan portfolio pelajar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Satu bengkel penyelarasan pembangunan portfolio teras dan core abilities di antara semua PPD dibuat pada 4 Mac 2018 dan sesi taklimat kepada semua PP/PPD akan diadakan pada 12 Mac 2018. 2. Audit dalaman juga telah dilakukan pada 17-25/1/2018, tindakan pembetulan akan dilaksanakan pada bulan Mac 2018. <p>Dalam menambahbaik perkara ini secara berterusan audit dalaman boleh dilakukan untuk setiap sukuan.</p>

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
6.2	Mesyuarat putuskan semua pelajar semester akhir kursus kimpalan perlu menduduki WQT.	Semua P (ILJTM) berkenaan	<p>Ambil maklum dan pelajar kimpalan akan menduduki WQT.</p> <p>Pelajar Kimpalan di ADTEC, sebahagiannya telah duduki WQT semasa di ILP.</p> <p>ILP Labuan: Pelajar Tek. Kimpalan menduduki WQT di TWI Kelombong di Kota Kinabalu melalui kerjasama ABM Sabah.</p>
6.3	CoSE bagi kursus Teknologi Kimpalan diminta membuat cadangan penambahbaikan bagi pelaksanaan WQT di ILJTM.	PENGARAH bagi kursus Kluster Kimpalan	
6.8	P (ADTEC Bintulu) akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi persijilan kompetensi EIU bagi menyelesaikan isu yang berbangkit pada bulan September.	P (ADTEC Bintulu)	Mesyuarat penyelarasan telah dibuat pada 19 September 2017. Rujukan Minit mesyuarat : ADTECBTU/600-2/8(51)
8.1	P (ILP Miri) memaklumkan terdapat masalah semasa pendaftaran dalam Sistem eSKM untuk kumpulan tambahan. BKT akan membuat susulan dengan pihak JPK mengenai perkara ini.	P (KT) & P (ILP MIRI)	
8.2	Mesyuarat ambil maklum cetakan soalan peperiksaan akhir akan diuruskan oleh pihak institut. Sehubungan dengan itu, pihak institut dikehendaki membuat kutipan sebanyak RM20 dari setiap pelajar kecuali bagi pelajar program Diploma	Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah diambil tindakan.

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
8.3	KPP(KT)1 memaklumkan pengajar yang menghadiri kursus eKeusahawanan yang dikendalikan oleh MDEC perlu mengajar modul eKeusahawanan pada sesi 2/2017 sekurang-kurangnya kepada 30 orang pelajar. Selain itu, bagi memenuhi keperluan SPK, setiap pengajar perlu melaksanakan program TOT kepada lima orang pengajar di institut masing-masing.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah diambil tindakan.
8.4	Mesyuarat ambil maklum institut boleh memilih kursus yang akan ditawarkan modul eKeusahawanan bagi sesi 2/2017 kerana pelaksanaan bagi sesi ini adalah merupakan projek rintis. Unit Kurikulum akan menyelaraskan pelaksanaan modul eKeusahawanan bagi semua kursus bermula sesi 1/2018.	P (KT) & Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah diambil tindakan.
8.5	Mesyuarat ambil maklum, modul eKeusahawanan perlu didaftarkan dalam TMS kerana kredit akan dikira dalam kredit graduasi.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah diambil tindakan.

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
8.6	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan P(ILP AP Nibong Tebal) untuk memberi anugerah kepada mana-mana institut yang berjaya mencapai jualan tertinggi, pengajar dengan jualan terkumpul pelajar yang tertinggi dan juga pelajar yang mencapai jualan tertinggi bagi setiap semester.	P (KT) & Semua P (ILJTM)	<p>Ambil maklum. Kebanyakan ILJTM bersetuju untuk memberi penghargaan atau anugerah kepada pelajar dan pengajar yang mendapat jualan tertinggi.</p> <p>ILP Perai:</p> <p>Kumpulan 1 Pengajar : En. Mohamad Bakhori bin Mohd Ahid Jualan Terkumpul : RM 18,824.00 Pelajar capai jualan tertinggi : Muhammad Fadhil bin Samsul Hassan (RM 8,326.00)</p> <p>Kumpulan 2 Pengajar : En. Ahmad Fairuz bin Ahmad Jualan Terkumpul : RM 13,780 Pelajar capai jualan tertinggi: Muhhunthan A/L Magesparan (RM 4,750.00)</p>
8.9	Mesyuarat dimaklumkan pihak institut dikehendaki membuat permohonan penambahan kapasiti latihan bagi setiap program yang ditauliahkan berdasarkan bilangan Pegawai Penilai yang ada di setiap kursus. Bilangan kapasiti hendaklah mematuhi ketetapan nisbah PP kepada pelajar iaitu 1 PP: 25 pelajar.	Semua P (ILJTM)	Ambil maklum. Tindakan telah diambil, permohonan telah dihantar.

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
8.10	Mesyuarat bersetuju semua institut perlu menyemak semula kapasiti latihan bagi setiap kursus yang diputuskan dalam program Transformasi JTM supaya selari dengan polisi yang ditetapkan oleh JPK. Pihak institut dikehendaki menyediakan maklumat kapasiti berdasarkan personel yang ada dan juga kapasiti berdasarkan Pegawai Penilai yang layak bagi setiap kursus	Semua P (ILJTM)	<p>Telah diambil tindakan. Semua program telah disemak kapasiti latihan selari dengan program Transformasi JTM dan polisi JPK.</p> <p>Penambahan kapasiti pada tahun 2018 akan dibuat berdasarkan cadangan unjuran pengambilan pelajar institut dan berdasarkan bilangan personel yang ada.</p> <p>ADTEC Kulim telah mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya dengan mengenalpasti senarai PP yang dilantik oleh pihak JPK mengikut bidang tertentu untuk diselaraskan dengan kapasiti latihan bagi setiap kursus.</p> <p>Walau bagaimanapun perkara ini akan menjadi satu kekangan dalam memaksimumkan pengambilan setiap sesi bagi setiap ILJTM.</p>
8.11	Mesyuarat ambil maklum pihak institut dan juga jabatan perlu mempergiatkan program peningkatan latihan pegawai secara dalaman dan juga di peringkat jabatan bagi memastikan semua pegawai dapat dipersijilkan sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Tahap 3. Perkara ini perlu dilaksanakan segera supaya pihak institut dapat menawarkan kapasiti latihan berdasarkan bilangan pengajar dan peralatan yang ada.	Semua P (ILJTM)	<p>Ambil maklum. Telah ambil tindakan, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menenalpasti pengajar yang belum mempunyai SKM sekurang-kurangnya Tahap 3 ii. Pelaksanaan latihan secara TOT dikalangan pengajar mengikut bengkel telah dilaksanakan. iii. Pengajar mengikuti kursus secara in-house dan program pembangunan kemahiran. iv. menjalankan siri peningkatan latihan secara dalaman melalui kaedah mentor-mentee v. telah menganjurkan kursus jangka pendek secara dalaman

RUJUKAN	MINIT MESYUARAT/PERKARA	TINDAKAN	STATUS KEMAJUAN/KEPUTUSAN
8.12	P(PK) meminta pihak institut untuk menghantar permohonan kursus UpSkillling bagi tahun 2018 selewat-lewatnya pada bulan November 2017. Permohonan program Upskilling pengajar melalui persijilan professional juga adalah digalakkan. Permohonan hendaklah lengkap dengan kiraan kos kursus beserta kos TNT setiap peserta.	Semua P (ILJTM)	Telah diambil tindakan.
8.13	P(PK) turut memaklumkan pengecualian bayaran PPT untuk pengajar JTM akan berakhir pada tahun 2019. Sehubungan dengan itu, semua pengarah diminta menggalakkan pengajar supaya memohon persijilan kemahiran melalui kaedah ini secepat mungkin.	Semua P (ILJTM)	Permohonan PPT dalam proses oleh pihak HQ JTM.
8.14	P(ILP Miri) minta bantuan BPK agar menyokong permohonan ILP Miri untuk mengadakan kursus dengan menggunakan peruntukan akaun amanah institut.	P (PK)	
8.15	Pengarah ambil maklum pelaksanaan program transformasi JTM akan diteruskan walaupun jabatan mempunyai kekangan dari isu logistic untuk menggerakkan peralatan/mesin dan juga pengajar di institut. Pengerusi meminta pengarah mengadakan program UpSkillling dan Reskilling diperingkat dalam terlebih dahulu.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Telah diambil tindakan.
8.16	Mana-mana kursus yang dijumudkan dalam program transformasi tidak akan ditawarkan lagi. Sekiranya pihak institut ingin menawarkan program latihan sepenuh masa bagi kursus yang telah ditutup, perlu mendapat kelulusan dari pihak ibu pejabat terlebih dahulu.	Semua P (ILJTM) berkenaan	Ambil maklum.

